جابتن ڤردان منتري
JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S OFFICE

JALAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: **JPM/SUT/PA/S/28 PT.3**

29 Rejab 1447
19 Januari 2026

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته

Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan
Negara Brunei Darussalam
[**SEPERTI PEMBAHAGIAN**]

**ANUGERAH INOVASI PERDANA (AIP) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2026**

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25 pada 22 Safar 1440 bersamaan 31 Oktober 2018 yang antara lain titah Baginda, "*Menyentuh inovasi dalam Perkhidmatan Awam, Beta menyambut baik inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Institut Perkhidmatan Awam yang meneliti semula Program Inovasi dalam Perkhidmatan Awam dengan memperkenalkan satu anugerah baru yang dikenali sebagai **'Anugerah Inovasi Perdana'**, seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam. Beta percaya dengan adanya anugerah ini nanti, dapatlah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam. Inilah harapan semua dan harapan negara*". Pada menjunjung Titah tersebut, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan telah memperkenalkan dan melaksanakan program Anugerah Inovasi Perdana (AIP) bermula pada tahun 2019.

2. Dalam hal ini, sukacita menarik perhatian Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Mulia Pengiran / Dato / Datin / Tuan / Puan mengenai dengan **Anugerah Inovasi Perdana (AIP) Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2026 (AIP 2026) adalah dibukakan kepada semua warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, sama ada secara perseorangan atau berkumpulan.**

3. Untuk makluman Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Mulia Pengiran / Dato / Datin / Tuan / Puan, penyertaan AIP pada tahun ini memberikan memberikan tumpuan kepada Kertas Projek, iaitu projek yang telah menampakkan hasil (*outcome*), impak yang besar dan positif bukan sahaja ke atas Perkhidmatan Awam, malah kepada pihak berkepentingan / stakeholders khususnya orang ramai.

4. Untuk makluman Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Mulia Pengiran / Dato / Datin / Tuan / Puan seterusnya, penyertaan Kertas Projek AIP 2026 dibukakan kepada pelbagai bidang, yang antara lainnya adalah seperti berikut:

a. Meningkatkan penyampaian Perkhidmatan Awam melalui aplikasi teknologi info-komunikasi dan kaedah-kaedah tertentu seperti *delivery approach*, perekayasan dan lain-lain;

b. Inovasi dalam Perkhidmatan Awam;

c. Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti dan tindakbalas dalam Perkhidmatan Awam; dan

d. Penambahbaikan kualiti proses dalam Perkhidmatan Awam yang menyumbang kepada mempercepatkan urusan-urusan yang berkaitan dengan *Ease of Doing Business* (EODB).

5. Sehubungan ini, semua kertas projek yang dicalonkan dalam penyertaan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan Anugerah Inovasi Perdana 2026. Borang Penyertaan dan Garis Panduan tersebut boleh didapati dengan memuat turun daripada laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Pengurusan di alamat **www.msd.gov.bn**. Borang penyertaan yang telah lengkap hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Pengurusan **tidak lewat pada hari Sabtu, 13 Zulhijjah 1447 bersamaan 30 Mei 2026, jam 3.30 petang.** Untuk mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, sila hubungi terus ke:

**Jabatan Perkhidmatan Pengurusan**
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Bahirah
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam
Telefon : 2372064/65/66 sambungan 528/529
Fax : 2382062
Email : aip@msd.gov.bn

6. Sebarang pertanyaan berkaitan hal ehwal AIP bolehlah menghubungi **Awang Haji Abdul Rahim bin Awang Haji Ali**, **Pegawai Perkhidmatan Pengurusan** atau **Dayang Rahimah binti Haji Mohd Yussof, Pegawai Perkhidmatan Pengurusan**, dari Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri melalui talian 2382064 / 65 / 66.

7. Kerjasama, komitmen serta perhatian Yang Amat Mulia / Yang Berhormat / Yang Mulia Pengiran / Dato / Datin / Tuan / Puan dalam menyertai AIP 2026 adalah sangat dialukan-alukan dan disembahkan / diucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih / terima kasih.

Sekian sahaja disampaikan mengenainya. والسلام

والله ولي التوفيق والهداية
*"Memperkasa Pembangunan Prasarana dan Inovasi ke arah Kemakmuran Negara"*

Dengan hormat,

[ **AJMAN BIN HAJI MELUDIN** ]
Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

**PEMBAHAGIAN:**

- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
- Yang Mulia, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Jabatan Perdana Menteri**
Yang Amat Mulia, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara
Yang Berhormat, Peguam Negara
Yang Mulia, Juruaudit Agung
Yang Mulia, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei
Yang Mulia, Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat
Yang Mulia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Yang Mulia, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri
Yang Mulia, Pengarah Biro Mencegah Rasuah
Yang Mulia, Pengarah Biro Kawalan Narkotik
Yang Mulia, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan
Yang Mulia, Pengarah Radio Televisyen Brunei
Yang Mulia, Pengarah Perkhidmatan Pengurusan
Yang Mulia, Pengarah Kehakiman Negara
Yang Mulia, Pengarah Penerangan
Yang Mulia, Pengarah Institut Perkhidmatan Awam
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Penyelidikan Brunei
Yang Mulia, Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Yang Mulia, Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Yang Mulia, Pengarah Pusat Pekerjaan Brunei

**Kementerian Pertahanan**
Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia
Yang Mulia, Pengarah Kewangan dan Perolehan
Yang Mulia, Pengarah Dasar Pertahanan
Yang Mulia, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja

**Kementerian Kewangan Dan Ekonomi**
Yang Mulia, Jurukira Agung
Yang Mulia, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja
Yang Mulia, Ketua Pengarah Perancangan Ekonomi dan Statistik
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Perdagangan Antarabangsa
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Perkembangan Perdagangan

...4/

**Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Pentadbiran
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Asia dan Afrika
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Kerjasama Berbagai Hala
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Asia Timur
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Eropah dan Amerika
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Keselamatan
Yang Mulia, Pengarah Jabatan ASEAN
Yang Mulia, Pengarah Jabatan Perancangan Dasar

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**
Yang Mulia, Pegawai Daerah Brunei dan Muara
Yang Mulia, Pegawai Daerah Belait
Yang Mulia, Pegawai Daerah Tutong
Yang Mulia, Pegawai Daerah Temburong
Yang Mulia, Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Yang Mulia, Pesuruhjaya Buruh
Yang Mulia, Pengarah Penjara
Yang Mulia, Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan
Yang Mulia, Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria
Yang Mulia, Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong
Yang Mulia, Pengarah Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat
Yang Mulia, Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC)

**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran
Yang Mulia, Pengarah Urusan Haji
Yang Mulia, Pengarah Hal Ehwal Syariah
Yang Mulia, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah
Yang Mulia, Pengarah Hal Ehwal Masjid
Yang Mulia, Pengarah Pengajian Islam
Yang Mulia, Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei
Yang Mulia, Pendaftar dan Setiausaha, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Yang Mulia, Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**
Yang Mulia, Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
Yang Mulia, Pengarah Perikanan
Yang Mulia, Pengarah Perhutanan
Yang Mulia, Pengarah Kemajuan Pelancongan

**Kementerian Kesihatan**
Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Yang Mulia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Yang Mulia, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan

...5/

**Kementerian Pembangunan**
Yang Mulia, Ketua Pengarah Kerja Raya
Yang Mulia, Pesuruhjaya Tanah
Yang Mulia, Juruukur Agung
Yang Mulia, Pengarah Kemajuan Perumahan
Yang Mulia, Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa
Yang Mulia, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

**Kementerian Pendidikan**
Yang Mulia, Ketua Pengarah Pendidikan
Yang Mulia, Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
Yang Mulia, Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Yang Mulia, Pengarah Sekolah-Sekolah
Yang Mulia, Pengarah Perkembangan Kurikulum
Yang Mulia, Pengarah Ko-Kurikulum
Yang Mulia, Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
Yang Mulia, Pengarah Peperiksaan
Yang Mulia, Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Yang Mulia, Pendaftar dan Setiausaha, Universiti Brunei Darussalam
Yang Mulia, Pengarah Perancangan, Penyelidikan dan Perkembangan
Yang Mulia, Pengarah Pendidikan Teknik
Yang Mulia, Pendaftar dan Setiausaha, Universiti Teknologi Brunei
Yang Mulia, Pendaftar, Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Yang Mulia, Pengarah Politeknik Brunei
Yang Mulia, Pengetua Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)

**Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**
Yang Mulia, Pengarah Penerbangan Awam
Yang Mulia, Pengarah Pengangkutan Darat
Yang Mulia, Pengarah Kajicuaca
Yang Mulia, Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan

**Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan**
Yang Mulia, Pengetua Pusat Sejarah
Yang Mulia, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Yang Mulia, Pengarah Belia dan Sukan
Yang Mulia, Pengarah Muzium-Muzium
Yang Mulia, Pengarah Pembangunan Masyarakat